

08/07/2002

Bakal TPM diketahui selepas pilihan raya kecil

Zainudin Isa; Norwati Salleh

KUANTAN, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, siapa yang bakal menjadi timbalannya apabila beliau mengambil alih kepemimpinan negara kelak, akan diputuskan selepas pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keputusan untuk menentukan siapa menduduki jawatan itu akan dibuatnya seperti yang dikehendaki Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya akan buat keputusan mulai sekarang sebagaimana dikehendaki oleh Dr Mahathir, tapi saya memerlukan sedikit masa terutama pada masa ini Umno sedang menghadapi tugas (pilihan raya kecil) di Pendang dan Anak Bukit, dan konsentrasi mestilah diberikan di situ.

"Selepas itu barulah saya akan menetapkan bilakah masa yang sesuai," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan kira-kira dua jam dengan pemimpin Badan Perhubungan Umno Pahang di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Pertahanan yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Abdullah berkata, dalam pertemuan itu, beliau menjelaskan mengenai hasrat peletakan jawatan Perdana Menteri dan pemuafakatan yang perlu dipertahankan seluruh pemimpin dan ahli parti, terutama dalam tempoh peralihan kuasa.

Selain itu, katanya, beliau menjelaskan isu mengenai siapa yang bakal menggantikannya apabila mengambil alih kepemimpinan negara selepas Dr Mahathir bersara pada Oktober tahun depan.

"Tentu sekali saya akan bercakap dengan Perdana Menteri. Sebelum ini pun saya sudah berbincang dengan beliau dan saya akan berbincang lagi dengannya.

"Saya juga akan menemui tiap-tiap seorang daripada Naib Presiden (Umno) yang ada sekarang.

"Ini sebenarnya juga amalan yang dibuat oleh Perdana Menteri dulu bila nak melantik saya, beliau panggil semua orang yang berkenaan mengenai perkara ini," katanya.

Diminta mengulas penjelasan Dr Mahathir di Bangkok pagi ini mengenai sebab beliau menyebut kemungkinan Najib menjadi Timbalan Perdana Menteri, Abdullah berkata: "Ya, saya tahu, tak apalah..."

Bagaimanapun Abdullah enggan mengulas apabila ditanya sama ada beliau bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir itu.

Pada sidang akhbar di akhir lawatannya ke Thailand di Bangkok hari ini, Dr Mahathir berkata Najib disebut sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri kerana beliau calon paling layak dari segi kekananan dan pengalaman dalam kerajaan.

Dr Mahathir pertama kali menyebut kemungkinan Najib menjadi Timbalan Perdana Menteri pada majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di Putrajaya, Rabu lalu.

Pada sidang akhbar selepas merasmikan upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemunting, Jitra, dua selepas itu pula Perdana Menteri berkata beliau tidak membantah jika Najib dipilih.

Selain Najib, dua lagi Naib Presiden Umno ialah Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, pada pertemuan dengan

pemimpin Badan Perhubungan Umno Pahang itu, beliau juga menerangkan mengenai perlunya seluruh ahli Umno menarik lebih ramai pengundi baru kerana mulai tahun depan pendaftaran akan dilakukan sepanjang tahun.

"Sekarang ini sudah ada hampir setengah juta pengundi baru. Inilah pengundi generasi baru yang muncul di bawah kepemimpinan Dr Mahathir. Selama memimpin kita 21 tahun, generasi baru inilah yang telah wujud," katanya.